

Kenyataan
UM 17 SEP 1985
Mahathir

**satu nasihat
wajar**

KUALA LUMPUR 16
Sept. - Puak Tan Koon
Swan hari ini menyifatkan
kenyataan Presiden Barisan
Nasional, Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad ba-
hawa setiap pemimpin
mestilah mengutamakan
parti dan bukannya diri sen-
diri sebagai nasihat yang se-
wajarnya dipatuhi oleh ahli-
ahli MCA keseluruhannya.

"Datuk Sri Dr. Mahathir
mahu melihat sebuah parti
Barisan Nasional yang ku-
kuh tanpa dapat dipenga-
ruhi oleh pemimpin - pe-
mimpin yang hanya me-
mentingkan kedudukan diri
sendiri sahaja," kata bebe-
rapa orang penyokong puak
Koon Swan ketika ditemui
di Wisma Supreme di sini
petang ini.

Menurut mereka, kenya-
taan Perdana Menteri jelas
menunjukkan bahawa krisis
Parti MCA yang berlarutan
berpunca dari perebutan
kuasa dan sikap tidak mahu
bertolak ansur di kalangan
pemimpin - pemimpinnya.